

SKEMA PEMARKAHAN BM2 Pc SPM 1 SMKM
MARKAH PENUH : 100 MARKAH
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

Perhatian bagi Soalan 1

1. Beri 1 markah bagi setiap kata adjektif perasaan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif perasaan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah, tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan yang digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 : Morfologi

Kata adjektif perasaan	
mesra	bangga
akrab	aman
gembira	
kecewa	

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

1. Kaedah Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) sangat sesuai dengan jiwa generasi muda dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih interaktif
 - i. Kaedah Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) sangat sesuai dengan jiwa generasi muda dalam membantu proses pengajaran menjadi lebih interaktif
 - ii. Kaedah Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) sangat sesuai dengan jiwa generasi muda dalam membantu proses pembelajaran menjadi lebih interaktif
2. Kaedah Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) lebih berkesan dalam dunia pendidikan terkini kerana pelajar didekah dengan pembelajaran tanpa syarahan apabila sesi pembelajaran berlangsung.
 - i. Kaedah Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) lebih berkesan dalam dunia pendidikan terkini.

- ii. Pelajar didedahkan dengan pembelajaran tanpa syarahan apabila sesi pembelajaran berlangsung.
3. Kaedah pembelajaran didik hibur bukan sahaja memudahkan murid memahami sesuatu yang dipelajari, malah dapat memberi pengalaman baharu kepada pelajar.
- Kaedah pembelajaran didik hibur memudahkan murid memahami sesuatu yang dipelajari.
 - Kaedah pembelajaran didik hibur memberi pengalaman baharu kepada pelajar.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3: Penyuntingan

Bahan 1

- pada – kepada
- muda – awal
- terus akan – akan terus
- tahu – cakna/peka
- pekembangan – perkembangan
- konseps – konsep
- Eksporasi – Eksplorasi

[Maksimum : 5 markah]

Bahan 2

- tertarik – menarik
- emel – e-mel
- saya telah – telah saya
- dari – daripada
- masharakat – masyarakat
- petengahan – pertengahan
- bercerita – berkongsi

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Deskripsi	Markah
	6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5-6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	0

Terdapat perigi di Batu Pahat telah dibuat oleh orang Siam. Diikut Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Lalu Bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Seterusnya, semua perihal ehwal dipersembahkan oleh Bendahara kepada Ke Bawah Duli Sultan. Baginda sangat suka lalu memberi persalinan kepada Bendahara Paduka Raja iaitu pakaian yang baik-baik dan semua hulubalang yang bersama-sama turut dianugerahi baginda persalinan yang sepadan.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 5 : Peribahasa

- (i) Kerbau dicucuk hidung
- (ii) Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.

[Maksimum : 4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

Perhatian bagi soalan 6,7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah : pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	3
Isi cukup/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup/ menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup/ tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugas/ ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6: Petikan Umum **Markah**

(i) Maksud perkataan *mengecapi keindahan* :

- menikmati/ merasai kecantikan/ keelokan 2
- menikmati/ merasai keindahan 1
- mengecapi kecantikan/ keelokan 1

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Faktor yang mendorong pelancong asing datang ke negara kita :

Bahan 1

- | | |
|--|---|
| P1- melihat keindahan alam semula jadi | 1 |
| P2- keindahan flora dan fauna yang dimiliki negara | 1 |

Bahan 2

- | | |
|--|---|
| P1- penawaran faktor budaya lokal kenegerian | 1 |
| P2- kepelbagaian dan keunikan etnik serta budaya | 1 |

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Peranan pelbagai pihak dalam usaha menarik kehadiran pelancong ke negara kita:

P1- Kerajaan mempromosikan tempat-tempat menarik di negara kita ke luar negara 1

P2- Kerajaan mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia secara meluas ke luar negara 1

P3- Media massa khususnya media sosial menyebarluaskan tempat-tempat menarik 1

P4-Pengusaha industri pelancongan menawarkan paket pelancongan yang menarik 1

P5-Pengusaha penginapan/hotel/chalet/inap desa menawarkan paket penginapan yang menarik/ menawarkan harga yang murah 1

[Maksimum : 3 markah]
 [Isi cukup : 2 isi]

(iv) Cara saya dapat membantu mempopularkan industri inap desa tersebut:

- | | |
|---|---|
| P1- mempromosi inap desa melalui media sosial | 1 |
| P2- memberikan idea pakej menarik yang boleh disediakan kepada pelancong | 1 |
| P3- mencadangkan aktiviti rekreasi yang menarik (permainan, budaya, makanan) | 1 |
| P4- menasihati/menyuruh/meminta abang untuk menyertai kursus/latihan yang dijalankan bagi mempopularkan industri tersebut | 1 |
| P5-memberi cadangan untuk menaik taraf kemudahan inap desa | 1 |

[Maksimum : 4 markah]
 [Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7: Petikan Sastera	Markah
----------------------------------	---------------

(i) Cara nenek moyang berjuang daripada belenggu penjajah:

- | | |
|---|---|
| P1 - berjuang dengan akal kebijaksanaan | 1 |
| P2 - semangat keperwiraan | 1 |

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Harapan-harapan yang disampaikan oleh penulis tentang memartabatkan bangsa:

Bahan 1

- | | |
|---|---|
| P1- menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa | 1 |
|---|---|

Bahan 2

- | | |
|--------------------------------|---|
| P1-menjadi pejuang yang berani | 1 |
|--------------------------------|---|

Bahan 3

- | | |
|--------------------------------|---|
| P1- mempertahankan nilai murni | 1 |
|--------------------------------|---|

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 4 markah]
 [Isi cukup : 3 isi]

(iii) Punca-punca yang menyebabkan remaja hilang nilai patriotik dalam diri masing-masing:

- | | |
|--|---|
| P1-Kurang menghayati semangat patriotik dalam diri | 1 |
| P2-Hilang jati diri | 1 |
| P3-Kurang membaca buku-buku berkaitan semangat patriotik | 1 |

P4-Terpengaruh oleh media massa/ filem

1

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

- (iv) Usaha-usaha yang akan anda lakukan untuk memastikan rakan anda itu menghormati lagu Negaraku:

P1-Saya akan menasihatinya supaya berubah dan menghormati lagu Negaraku	1
P2-Saya akan mengedarkan risalah tentang menghormati lagu Negaraku	1
P3-Saya akan sentiasa mengingatkan murid-murid agar sentiasa menghormati lagu Negaraku	1
P4-Saya akan melaporkan kepada guru bertugas	1
P5-Saya akan mencadangkan kepada pihak sekolah untuk mengadakan ceramah motivasi	1
P6-Saya akan mengambil tindakan disiplin seperti mencatat nama	1

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8 : Novel	Markah
-------------------------	---------------

(i) watak dan perwatakan Tauke Ong	
P1 memakai baju kotak-kotak	1
P2 berseluar pendek labuh separuh lutut	1
P3 mesra menegur pelanggan-pelanggan lain	1
P4 ketawa terbahak-bahak	1

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

- (ii) **Jawapan Soalan novel**
- Jawapan berdasarkan **dua buah novel** yang dipelajari.
 - Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
 - Beri 1 markah bagi setiap **isi/peristiwa** yang betul.
 - Beri 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
 - Markah isi/peristiwa maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa / huraian / contoh).
 - Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - Jika calon menjawab dan markah isi/peristiwa kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
 - Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

peristiwa yang memaparkan nilai ketabahan.

Novel Di Sebalik Dinara
Novel Silir Daksina

[mana-mana peristiwa yang memaparkan nilai ketabahan – diterima]

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9 : Rumusan

Markah isi – 20 markah

Markah bahasa – 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :
 - Nama khas/ peribahasa
 - Perkataan berganda
 - Penggunaan kata sendi di dan ke
 - Tarikh
 - Angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
 - Gelaran
 - Penanda wacana
- (ii) Kira dan tandakan jawapan pelajar setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan pelajar setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Pelajar perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

(b) Bahasa [10 markah]

Peringkat	Markah bahasa
Cemerlang	8 – 10 markah
Baik	5 – 7 markah
Sederhana	3 – 4 markah
Lemah	1 – 2 markah

NOTA :

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta, markah bahasa adalah pada peringkat lemah.

- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa.
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]	Markah
-------------------------------	---------------

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | Rumusan membincangkan kepentingan/faedah/kebaikan amalan hidup bermasyarakat dan langkah-langkah/ cara-cara menggalakkan amalan ini. | 2 |
| P2 | Rumusan membincangkan kepentingan/faedah amalan hidup bermasyarakat | 1 |
| P3 | Rumusan membincangkan langkah-langkah/ cara-cara menggalakkan amalan ini. | 1 |

Isi [16 markah]

Fokus 1 : kepentingan/faedah/kebaikan amalan hidup bermasyarakat

Bahan 1

- | | | |
|----|---|---|
| A1 | dapat menjalinkan kerjasama antara satu sama lain. | 2 |
| A2 | mampu menepis sikap individualistik dalam diri kita | 2 |
| A3 | mampu menumpahkan bakti dan memanfaatkan kepakaran | 2 |
| A4 | Semangat kekitaan juga akan bercambah | 2 |
| A5 | pemahaman terhadap perbezaan budaya dan adat resam penduduk pelbagai kaum akan bertambah. | 2 |
| A6 | melaksanakan tanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan secara bersama-sama. | 2 |

Fokus 2: langkah-langkah/ cara-cara menggalakkan amalan ini

Bahan 1

- | | | |
|----|---|---|
| B1 | Pelaksanaan Rukun Tetangga | 2 |
| B2 | aktiviti gotong royong membersihkan kawasan taman kediaman. | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|----|---------------------------------------|---|
| C1 | mewujudkan kumpulan Whatsapp komuniti | 2 |
| C2 | mengadakam gotong-royong perdana | 2 |
| C3 | menganjurkan Hari Keluarga Komuniti | 2 |
| C4 | menganjurkan sukan komuniti | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, amalan hidup bermasyarakat perlu dipupuk supaya masyarakat bersatu-padu dapat dibentuk | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, amalan hidup bermasyarakat perlu dipupuk | 1 |